



Ketenangan di pinggir bandar

PRIMROSE sesuai norma baharu

Kebahagiaan mahupun keselamatan di rumah sendiri adalah aspek penting yang diidamkan sesebuah keluarga. Dari segi rumah pula, ruang yang luas, ketenangan, berhampiran dengan kemudahan dan keselamatan turut diambil kira.

Kejiranan dengan persekitaran hijau yang jauh daripada hiruk-pikuk kesibukan kota semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat sejak penularan Covid-19.

Justeru, kejiranan berkepadatan rendah yang mementingkan ruang serta alam sekitar yang sihat dan selamat mendapat sambutan menggalakkan berikutnya perubahan gaya hidup masyarakat kini.

Memahami keperluan ini, Glomac akan melancarkan PRIMROSE, kediaman teres dua tingkat mampu milik yang terkini di Saujana KLIA, Sepang.

Di sini, ruang dan kesajahteraan merupakan konsep asas gaya hidup sihat yang menjadi lambang keunggulan Saujana KLIA. Rumah yang disediakan juga lebih mampu milik, malah lebih besar dari segi ruang dan fleksibiliti.

Rangkaian lebuh raya terancang yang menghubungkan kejiranan ini dengan kota raya serta kawasan sekitarnya juga sangat memudahkan iaitu Jalan penghubung ekstensif ke rangkaian lebuh raya meliputi Elite dan MEX serta Lebuhraya Utara Selatan.

Saujana KLIA juga terletak hanya 20 kilometer ke Bandar Enstek – hab halal terbesar di Malaysia selain beberapa institusi pendidikan termasuk Universiti Xiamen, sekolah rendah dan menengah, Universiti

Multimedia, Lim Kok Wing University of Creative Technology, Brainy Bunch, Tenby International dan Sekolah Swasta Antarabangsa Tanarata.

Jika anda gemar membeli-belah, usah risau kerana kawasan kejiranan ini berdekatan enam gedung membeli-belah selain kemudahan pasar raya dan kedai serbaneka terletak berhampiran.

Pencinta alam juga mempunyai banyak pilihan menikmati pesona alam semula jadi seperti Farm in the City, Taman Saujana Hijau, Tanah Benyah Paya Indah dan Taman Botani Putrajaya.

Saujana KLIA di Sepang bakal menjadi pembangunan kediaman atas tapak pelbagai guna terkini dengan hab penghubung yang meliputi rangkaian udara, jalan raya dan rel bersepadu yang canggih; menyediakan perkhidmatan sebagai titik penghubung langsung ke beberapa pusat pertumbuhan ekonomi utama.

Kejiranan yang semakin berkembang ini adalah lokasi tepat untuk membesar dan memberi kemudahan terbaik untuk berulang-alik ke tempat kerja, sama ada melalui jalan raya atau ERL.

Pasangan suami isteri berasal dari Gombak, Sophia Muafudzah dan Muhammad Syafiq adalah penjawat awam yang menjalani kehidupan sibuk.

Muhammad Syafiq lebih gemar tinggal di Saujana KLIA kerana harganya mampu milik dan sangat bernilai selain kedudukannya memudahkan perjalanan ke KLIA serta

Putrajaya tempat mereka bekerja.

Mereka juga kerap menaiki kapal terbang untuk ke negeri lain atas urusan tugas dan oleh sebab itu, tempat tinggal berdekatan lapangan terbang sudah tentu menjadi pilihan utama.

Ketiga-tiga anak lelaki mereka berusia antara 3 hingga 7 tahun gemar bersiar-siar ke Anjung melihat kapal terbang mendarat dan berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang sejak kebelakangan ini semakin popular sebagai destinasi tarikan pelancong.

Keluarga bahagia ini meluangkan masa bersama di beberapa restoran kegemaran mereka di Klia2 serta membeli-belah di Mitsui Premium Outlet dan beberapa gedung membeli-belah lain yang berdekatan dengan rumah mereka pada hujung minggu.

Muhammad Syafiq pula menyertai Kelab Basikal Saujana KLIA, sebuah kelab basikal komuniti yang ditubuhkan untuk melakukan aktiviti di atas dan luar jalan ke beberapa destinasi berdekatan seperti Litar Antarabangsa Sepang, Runway KLIA, Cyberjaya atau ke Putrajaya. Beliau turut mengambil bahagian dalam aktiviti sosial berbasikal anjuran kelab ini pada hujung minggu.

Kehidupan di pinggir bandar sudah menjadi gaya hidup baharu bagi ibu bapa masa kini. Oleh kerana bekerja dari rumah sudah menjadi norma baharu, sudah tentu mereka memilih kediaman yang memberikan ruang dan fleksibiliti untuk kehidupan keluarga yang berkualiti.

Kediaman yang dibangunkan oleh Glomac, pemaju harta tanah yang banyak menerima anugerah kecemerlangan ini membawakan jenama boleh dipercayai, siap tepat pada masanya dan berkualiti.

Nilai kediaman yang dimajukan juga meningkat pantas mengikut masa. Nikmatilah gaya hidup yang menyediakan pel-



bagai kemudahan, keselesaan dan laluan penghubung yang efisien.

Dapatkan kediaman PRIMROSE yang menjadikan keceriaan dan kesejahteraan sebahagian daripada gaya hidup anda.

Usah tunggu lagi. Buat janji temu untuk meneroka kejiranan tepat untuk anda sekeluarga di mana anda boleh menjalani kehidupan, bekerja dan berekreasi dengan selesa.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.glonmac.com.my/project-development/saujana-klia